

# Kakitangan UMS-KAL berbuka puasa bersama Naib Canselor

UB 29.07.2012 B1

**K**IRA-KIRA 150 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menghadiri majlis berbuka puasa bersama Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah di Hotel Grand Dorsett, pada Jumaat lalu.

Mereka terdiri daripada pensyarah, pegawai kanan dan kakitangan sokongan UMS-KAL yang mengambil kesempatan untuk beramah mesra dengan Naib Canselor UMS yang baru itu.

Turut menghadiri majlis itu ialah Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang (Akademik dan

Antarabangsa) dan Prof Dr Shahril Yusof (Penyelidikan dan Inovasi), dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said.

Hadir sama Bendahari, Rizal Othman, Ketua Pustakawan, Dg Rukiah Amit, Pemangku Pengarah UMS-KAL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Pada majlis itu, Harun menyampaikan sumbangan Ramadan kepada lima kakitangan yang mendapat musibah pada tahun ini.

Beliau berharap sumbangan itu akan meringankan beban kepada kakitangan terbabit Ramadan dan Aidilfitri akan

sempena

datang. Turut



(gambar atas) HARUN (enam kanan) bersama pegawai kanan UMS selepas menghadiri majlis berbuka puasa di Hotel Grand Dorsett.

diadakan solat Maghrib berjemaah. Majlis berbuka puasa itu merupakan majlis yang pertama dihadiri Harun selepas dilantik sebagai Naib Canselor UMS baru-baru ini.

Beliau yakin majlis seperti itu mampu mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara pegawai utama dan pegawai kanan UMS dengan kakitangan serta pensyarah di UMS-KAL.

Sementara itu, pensyarah dan kakitangan juga mengambil peluang untuk bergambar kenangan bersama Naib Canselor dan Sharif yang juga mantan Pengarah UMS-KAL.



HARUN (empat kanan) bergambar kenangan bersama kakitangan sempena majlis berbuka puasa.



HARUN menyampaikan sumbangan Ramadan kepada kakitangan Bahagian Keselamatan, Siti Rahmat Lamit, diperhatikan Ag Asri (kiri).